

Perkasa teknologi pemangkin modal insan

Penularan wabak COVID-19 yang masih belum nampak penghujungnya memerlukan masyarakat berubah secara mendadak kepada penggunaan teknologi intensif.

Ini termasuk dalam bidang pendidikan, perniagaan, pengeluaran dan penyedaran barang keperluan setiap hari.

Pelajar dan pekerja berdepan pelbagai cabaran dalam norma baharu wajar mengambil peluang meningkatkan kemahiran diri melalui penggunaan internet.

Ia sebagai pelaburan untuk bidang pelajaran dengan harga berpatutan mengikot kemampuan bagi memastikan taraf kehidupan dapat diperbaiki.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Johor sebagai contoh, mengorak langkah pantas memulakan penanaman nana dan pemasangan panel solar di tanah yang belum dibangunkan bagi memastikan universiti terus terkehada-

pan. Teknologi terkini seperti internet kebendaan (IoT) boleh dikaji dan selanjutnya dilaksanakan. Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) melalui pendidikan juga menjadi keutamaan yang mana makmal data raya terus dimanfaatkan.

Sektor pelancongan dan perhotelan yang juga antara penyumbang pembangunan dan kemasyhuran negara adalah sektor paling banyak terjejas pada

era pandemik.

Mekanisme dan kerangka kerja baharu yang selamat serta lebih sistematik berasaskan penggunaan teknologi terkini seperti IoT seharusnya diterokai dan dimanfaatkan industri masa kini.

Konsep petani moden membabitkan kerjasama universiti dan industri mampu mengurangkan kadar pengangguran disebabkan penularan wabak COVID-19 yang belum nampak penghujungnya.

Penggunaan pelbagai aplikasi hendaklah dilihat dari segi keperluan dan tujuannya. Kebanyakan pengeluar aplikasi terkemuka dunia dan pemilik data adalah negara luar.

Namun, Malaysia menjadi pilihan kerana mempunyai pasaran pengguna te-
gar yang besar.

Pendidikan jasmani, rohani dan akal yang kental mampu mendepani cabaran mendatang dengan lebih tabah, selain mengambil tindakan dengan penuh rasa tanggungjawab dalam memastikan peranan masing-masing dapat direalisasikan ke arah kemajuan dan kestabilan ekonomi negara melalui transformasi digital secara keseluruhannya.

Dr Ahmad Faiz Ghazali,
Pensyarah Kanan Sains Komputer Universiti
Teknologi MARA (UiTM) Johor